



**Students for a
Fossil Free Future**

Media Contact(s):

Shawn Ang

shawn.bh.ang@gmail.com; +65 9107 4903

Ning Yiran

yyiran.ning@gmail.com

EMBARGOED UNTIL 17 JANUARY 2022, 8AM SGT

SIARAN AKHBAR: Pergabungan pelajar terbit laporan saran universiti pertimbangkan perkongsian bersama industri bahan api fosil

17 Januari, 2022 (Singapura) - Sebuah pergabungan pelajar, Students for a Fossil Free Future (S4F), terdiri daripada mahasiswa NUS, NTU, SMU, SUTD, dan Yale-NUS, telah mengeluarkan laporan bertajuk 'Fossil-Fuelled Universities' atau 'Universiti-universiti Dikuasakan Bahan Api Fosil' yang memperincikan hubungan meluas antara universiti-universiti Singapura dengan industri bahan api fosil. Pergabungan pelajar ini juga bakal melancarkan kempen mereka yang akan berlangsung selama dua minggu bermula hari ini. Kempen S4F ini bertujuan memberi saranan kepada pihak-pihak universiti untuk mengambil pendekatan yang lebih aktif dan berfikiran jauh dalam mempertimbangkan tanggungjawab mereka berkenaan krisis iklim, serta mengorak langkah dalam menanganinya melalui tindakan institusi dan pembangunan kurikulum.

Usaha ini ialah susulan aktivisme iklim dan persekitaran yang diterajui belia baru-baru ini, termasuk kenyataan kolektif "An urgent call from Singaporean youths on the environmental crisis" atau "Usulan Penting daripada Belia Singapura mengenai Krisis Persekitaran" yang dikeluarkan semasa COP26 tahun lepas, serta SG Climate Rally 2021 yang bertajuk "The People in Crisis" atau "Rakyat dalam Krisis". Dalam usaha-usaha ini, penyahlaburan bahan api fosil disebut sebagai satu tindakan iklim yang penting dan perlu dilaksanakan.

Laporan S4F merupakan hasil kajian mandiri asas oleh lebih daripada 60 individu termasuk pelajar-pelajar semasa dan alumni, ahli-ahli akademik dan masyarakat sivil, serta peguam-peguam. Kerja ekstensif ini "ialah kemuncak usaha bersama sepanjang tiga tahun, dan menjadi bukti betapa beratnya tanggungjawab kami rasa terhadap krisis iklim dan peralihan daripada bahan-bahan api fosil," ujar Encik Shawn Ang, ahli kumpulan S4F.

Perhubungan utama yang diserlahkan dalam laporan ini termasuk bidang kewangan, pengurusan, akademia, perkembangan profesional, serta kooptasi ruang-ruang kampus.



**Students for a
Fossil Free Future**

Sebagai contoh, pelaburan penganugerahan kedua-dua NUS dan NTU mempunyai pendedahan secara tidak langsung kepada bahan-bahan api fosil. Walaupun NUS mempunyai peratusan pendedahan bahan api fosil “angka tunggal rendah” bersamaan sekurang-kurangnya \$64 juta, NTU belum lagi mengeluarkan tahap pendedahannya. Laporan ini juga telah mengenal pasti bahawa Lembaga-Lembaga Pemegang Amanah di bawah universiti-universiti tempatan dianggotai ahli-ahli yang pernah menjadi pemimpin kanan dalam syarikat-syarikat bahan api fosil. NTU mempunyai dua ahli manakala NUS, SMU, SUTD dan Yale-NUS masing-masing mempunyai satu ahli. Sementara itu, SIM mempunyai satu ahli Lembaga yang kini merupakan pemimpin kanan dalam sebuah syarikat bahan api fosil.

Dengan membenarkan syarikat-syarikat ini untuk mendapat penerimaan sosial sebagai rakan kongsi dalam membangunkan landskap pendidikan dan kewangan Singapura, perkongsian ini berpotensi untuk menjejaskan kebebasan akademik institusi, membangkitkan kebimbangan mengenai percanggahan kepentingan dalam pengurusan, serta memacu pelajar masuk ke dalam industri meleset.

Kegiatan syarikat-syarikat bahan api fosil ialah antara pemangkin terbesar perubahan iklim antropogenik, terutama dengan model perniagaan teras yang berasaskan pembakaran bahan api fosil dan penjanaan pelepasan karbon. Industri ini terus memperlihatkan komitmen yang terkurang dalam menangani krisis iklim kini. Justeru itu, S4F mengasaskan kenyataan COP26 oleh belia-belia Singapura, yang menyatakan bahawa semua kegiatan bahan api fosil “perlu dihentikan untuk mengekalkan sasaran 1.5 darjah” dan bahawa “apa yang diperlukan ialah arahan jelas melarang peruntukan kewangan kepada sebarang kegiatan yang mencemar dan merosakkan alam sekitar.

“Datanya jelas: penyahlaburan daripada bahan-bahan api fosil adalah penting dalam mencapai tindakan iklim yang diperlukan dan saksama,” terang Penolong Profesor Angel Hsu, yang menyelidiki persimpangan sains dan dasar-dasar di Universiti North Carolina-Chapel Hill, serta Pengasas/Pengarah Makmal Data-Driven EnviroPolicy. “Dalam dekad penentuan ini, kita mesti menggesa kedua-dua pelaku negara dan bukan negara, termasuk universiti-universiti di Singapura dan selanjutnya, untuk bergerak ke arah masa hadapan yang mampu pulih dan menjadikan tindakan perubahan iklim sebagai satu keutamaan di institusi mereka.”

Keberadaan industri bahan api fosil yang nyata “sangat membimbangkan dalam pada kami berusaha mendidik anak-anak muda untuk bantu memperlahankan kadar perubahan iklim serta menyesuaikan diri dengan masa hadapan yang bergelora dan mencabar,” kata Profesor Madya Matthew Schneider-Mayerson, seorang cendekiawan



**Students for a
Fossil Free Future**

antara disiplin pengajian persekitaran di Kolej Yale-NUS. “Adakah patut mereka yang telah mendapatkan keuntungan daripada krisis iklim (penderitaan yang meluas, kematian, ketidakadilan dan kepupusan besar-besaran) memainkan sebarang peranan dalam membuat keputusan tentang pendidikan?”

Justeru itu, S4F amat mengesyorkan agar universiti-universiti Singapura melupuskan pelaburan dalam bahan-bahan api fosil dan lantaran itu, perkongsian, penajaan dan pendanaan daripada industri bahan api fosil digantikan dengan alternatif-alternatif mampan. Tambahan lagi, S4F mengusulkan agar pendidikan tentang krisis iklim dalam jangka pendek, sederhana dan panjang dapat dilaksanakan.

S4F meyakini kemampuan serta prestij universiti-universiti Singapura untuk memangkin tindakan iklim yang dapat membawa perubahan positif. Selaku institusi-institusi pengajian tinggi awam yang terkenal, mereka boleh membimbing tindak balas individu dan institusi terhadap perubahan iklim dengan membangunkan rakyat Singapura yang bersedia untuk masa hadapan, memupuk norma sosial, serta menetapkan teladan penting dalam menghadapi cabaran perubahan iklim yang mendesak dan berskala besar. S4F percaya bahawa ini merupakan peluang baik bagi universiti-universiti untuk memandang ke hadapan dan menjadi berwawasan, dalam mereka mempelopori institusi-institusi lain dan menerajui peralihan adil Singapura dan rantau ini kepada ekonomi rendah karbon.

Pelancaran laporan ini merupakan permulaan kempen yang bakal berlangsung selama dua minggu dari 17 hingga 28 Januari. Kempen ini bertujuan untuk melibatkan diri dalam perbincangan yang lebih luas dalam talian serta merentasi kampus tempatan berkenaan dapatan dan saranan dalam laporan. Pihak S4F mengundang pelajar-pelajar, pihak-pihak profesional, orang-orang awam serta pemimpin-pemimpin universiti untuk turut serta dalam perbincangan-perbincangan ini.

“Sebagai pelajar, kami sentiasa berasa risau akan penapisan mahupun sebarang tindak balas perihal gerakan kami yang mempersoalkan tindakan beberapa pihak serta status quo secara terbuka,” akui Encik Ang. “Namun, kami cekalkan hati dan teruskan usaha ini tanpa batasan waktu kerana kami akur bahawa masa yang tinggal untuk memastikan planet kita kekal boleh didiami sudah semakin singkat. Kami tidak boleh melepaskan tangan selagi tidak tercapai matlamat kami.”

Laporan penuh S4F, *Universiti-universiti Dikuasakan Bahan Api Fosil*, ringkasan laporan serta FAQ berkenaan isu-isu yang diketengahkan dalam laporan, boleh diakses menerusi: <https://www.studentsforafossilfreefuture.org/>



**Students for a
Fossil Free Future**

Tentang Students for a Fossil Free Future

Students for a Fossil Free Future ialah pergabungan mahasiswa antara universiti Singapura yang berkempen untuk universiti-universiti Singapura berpaling daripada hubungan dan perkongsian sedia ada dengan industri bahan api fosil dalam memastikan masa hadapan yang adil dan sesuai didiami bagi semua.

Untuk keterangan lanjut, sila kunjungi www.studentsforafossilfreefuture.org, Instagram [@s4f.fossilfree](https://www.instagram.com/s4f.fossilfree), Facebook di [Students for a Fossil Free Future](https://www.facebook.com/StudentsforaFossilFreeFuture) atau LinkedIn di [Students for a Fossil Free Future \(S4F\)](https://www.linkedin.com/company/StudentsforaFossilFreeFuture).

TAMAT